



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP)

1 – 31 Mac 2017

https://biasiswa.mohe.gov.my/hlp/index_login.php

Kementerian Pendidikan Tinggi menawarkan penajaan skim Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dengan kemudahan **Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)** bagi mengikuti pengajian kursus-kursus jangka panjang secara **SEPENUH MASA** di peringkat **Sarjana** dan **PhD** di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Dalam Negara bagi Sesi Pengajian Tahun **Semester 1 2018/2019**.

Tawaran ini dibuka khusus untuk **Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional** di dalam skim perkhidmatan **Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT)** di **Politeknik, Kolej Komuniti dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)**.

Bidang-bidang yang ditawarkan adalah berdasarkan unjuran keperluan yang dikeluarkan oleh **Bahagian Kecemerlangan Professional, Jabatan Pendidikan Politeknik** .

Cara-cara Memohon

- ✓ Calon-calon yang berminat hendaklah memohon secara atas talian sepenuhnya di pautan Program Penajaan, Bahagian Biasiswa, KPT <https://biasiswa.mohe.gov.my> ; **Atau**
- ✓ Melalui portal rasmi Kementerian Pendidikan Tinggi.
- ✓ Permohonan akan dibuka mulai **1 – 31 Mac 2017** sehingga jam **5.00 petang**.
- ✓ Permohonan yang tidak menepati syarat yang ditetapkan, mengandungi maklumat yang tidak benar, tidak lengkap, dokumen sokongan yang tidak disahkan atau borang permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
- ✓ Hanya calon yang layak dan melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk urusan temuduga.

SYARAT-SYARAT & KELAYAKAN

SYARAT UMUM

- ✓ **Pegawai-pegawai yang diperakukan untuk mengikuti kursus ijazah lanjutan hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian;**
- ✓ **Berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi.**
- ✓ **Mereka juga hendaklah mempunyai kelayakan ijazah pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya.**

SYARAT KHUSUS

- ✓ Berumur tidak lebih daripada **45 tahun** bagi **PhD** dan **50 tahun** bagi **Sarjana** pada 31 Disember 2017. Pegawai yang lahir pada tahun 1971 dan sebelum adalah tidak layak untuk memohon PhD manakala pegawai yang lahir pada tahun 1966 dan sebelum adalah tidak layak untuk memohon Sarjana;
- ✓ Telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan;
- ✓ Telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun dalam skim perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) (gred 41 dan ke atas) pada tarikh tutup permohonan. Pegawai lantikan tahun 2014 dan ke atas tidak layak memohon;
- ✓ Mencapai Gred A dalam Laporan Nilai Prestasi Tahunan (purata minimum 85 markah) bagi tempoh 3 tahun genap perkhidmatan (penilaian setahun LNPT genap 12 bulan) berturut-turut (2014, 2015 & 2016);

Sambungan

Sambungan..

SYARAT KHUSUS

- ✓ **Mematuhi syarat yang ditetapkan dalam Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar kepada Penjawat Awam seperti berikut:**
- ✓ **Bagi calon yang telah mengikuti cuti belajar melebihi 12 bulan di dalam atau di luar Negara, boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus jangka panjang yang berikutnya sama ada di dalam atau di luar Negara selepas genap 2 tahun tamat mengikuti kursus yang terdahulu dengan jayanya, dan**
- ✓ **Bagi calon yang telah mengikuti cuti belajar kurang daripada 12 bulan tetapi melebihi 3 bulan di dalam atau di luar Negara, boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus jangka panjang yang berikutnya sama ada di dalam atau di luar Negara selepas genap 1 tahun tamat mengikuti kursus yang terdahulu dengan jayanya.**

Sambungan

Sambungan..

SYARAT KHUSUS

- ✓ **Telah mengisytiharkan harta (termasuk pengisytiharan harta tambahan) dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ;**
- ✓ **Tidak tersenarai dalam senarai hitam pinjaman PTPTN atau Tabung Pinjaman Pelajaran (TPP);**
- ✓ **Bersih daripada pertuduhan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah; dan**
- ✓ **Menyediakan kertas cadangan pengajian (proposal) dan hendaklah dimuatnaik serta diserahkan kepada urus setia semasa calon menghadiri temu duga. Kulit depan kertas cadangan hendaklah mematuhi format seperti yang telah disediakan.**

PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi :

**Unit Biasiswa Bahagian Biasiswa
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 2, No. 2, Menara 2,
Jalan P5/6 , Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA**

**(u.p. : Pn. Siti Fatimah Nur Binti Hussain / Cik Jihan Ajla binti Mohd
Nordin /**

Pn. Norazira Binti Shuib)

Tel. : 03-8870 6370

Faks : 03-8870 6839

E-mel : hlp@mohe.gov.my